

4 premis hiburan ditutup serta-merta

Kuala Lumpur: Tindakan empat premis perniagaan menjalankan aktiviti hiburan membabitkan persembahan muzik *live*, karaoke dan DJ tanpa kebenaran diserbu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pagi kelmarin.

Serbuan menerusi Jabatan Penguatkuasaan DBKL itu dibuat dalam melaksanakan Tindakan Khas Premis Berisiko (Aktiviti Hiburan) Siri 11/2023 di Jalan Vista Mutiara Kepong, Jalan Genting Klang, Taman Danau Kota Setapak dan Jalan U-Thant Ampang di sini bermula pada jam 9 malam hingga 1 pagi semalam.

DBKL berkata, tindakan penutupan serta-merta terhadap empat premis itu dibuat mengikut Seksyen 17 Akta Hiburan 1992 termasuk membuka lapan kertas siasatan mengikut Seksyen 4(1)(a) dan 4(1)(b) kerana mengadakan aktiviti hiburan (live muzik/DJ) tanpa kebenaran dan mengeluarkan satu notis kompaun mengikut Undang-Undang-Kecil Penempatan Ma-



kanan (WPKL) 2016 (melantik pembantu tanpa kebenaran).

“Sebanyak 38 pelbagai peralatan muzik disita membabitkan penutupan empat buah premis berkeajaan. Semua barangan sitaan dihantar ke stor sitaan DBKL di Jalan Lombong Taman Miharja, Cheras bagi tujuan rekod dan penyimpanan sementara.

“Tindakan penguatkuasaan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang lain,” katanya.

“
**Sebanyak
38 pelbagai
peralatan muzik
disita
DBKL**



ANGGOTA penguat kuasa DBKL menampal notis penutupan.